



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTRY OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

ARAS 35, KOMPLEKS KKMM
LOT 4G9 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8911 5254
Faksimili : 03-8911 5885
Laman Web: www.kkmm.gov.my

Ruj. Kami : KKMM. 100-1/6/1 JLD.2 (17)
Tarikh : 6 April 2022

Seperti senarai edaran

yBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PINDAHAN DANA ELEKTRONIK
(EFT) DITOLAK DAN CEK TERBATAL BELUM SELESAI

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan memberi panduan kepada semua Ketua Jabatan dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) mengenai tatacara pengurusan EFT Ditolak dan Cek Terbatal supaya teratur dan dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 **EFT Ditolak** adalah bayaran EFT yang ditolak oleh bank disebabkan oleh kesilapan nombor akaun penerima atau akaun tidak aktif/ tutup. Manakala, **Cek Terbatal** adalah cek yang ditolak oleh bank disebabkan kesilapan maklumat penerima bayaran atau cek tamat tempoh sah laku.
- 2.2 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 118, semua Ketua Jabatan dan Ketua PTJ hendaklah memastikan bahawa semua EFT Ditolak dan Cek Terbatal dibuat bayaran gantian atau dilaraskan ke akaun tertentu dengan segera.
- 2.3 Semua PTJ di bawah K-KOMM perlu membuat penggantian atau pelarasan EFT Ditolak dan Cek Terbatal bagi memastikan penerima bayaran mendapat hak yang sepatut diterima dan sekaligus akan mengurangkan amaun liabiliti di Penyata Kewangan Kementerian.
- 2.4 Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018, PTJ perlu mengenal pasti tindakan yang perlu diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh EFT Ditolak atau Cek Terbatal dan melaksanakan penggantian setelah dokumen lengkap diterima.

- 2.5 Bagi tujuan pemantauan, setiap Kementerian telah diarahkan supaya mengemukakan Laporan Prestasi Penyelesaian EFT Ditolak dan Cek Terbatal belum selesai bagi semua PTJ kepada JANM pada setiap bulan.

3. PEKELILING DAN PERATURAN BERKUATKUASA

- 3.1 Arahan Perbendaharaan (AP) 118;
- 3.2 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018, Lampiran F: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak/ Cek Terbatal; dan
- 3.3 Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 3 Tahun 2021, Pelaksanaan Semakan Tambahan (Second Validation) Bagi Pembayaran Kerajaan Melalui EFT.

4. TINDAKAN PTJ KE ATAS EFT DITOLAK DAN CEK TERBATAL BELUM SELESAI

- 4.1 Berdasarkan statistik EFT Ditolak dan Cek Terbatal K-KOMM, EFT Ditolak mempunyai kekerapan yang lebih tinggi berbanding Cek Terbatal. Semakan mendapati punca utama yang menyebabkan EFT Ditolak adalah seperti berikut :

- (1) Akaun bank individu/ syarikat dibekukan atas sebab-sebab tertentu seperti dalam siasatan SPRM, kes mahkamah, berada di penjara atau muflis;
- (2) Akaun bank tidak aktif/ telah ditutup/ ditukar tanpa makluman kepada PTJ;
- (3) Kesilapan maklumat akaun yang didaftarkan di Sistem ePerolehan;
- (4) Penerima bayaran atau waris sukar dikesan.

4.2 Bagi menangani punca EFT Ditolak seperti yang disenaraikan di atas dan seterusnya membolehkan semua EFT Ditolak diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan, Ketua Jabatan dan Ketua PTJ hendaklah memantau dan mengambil tindakan seperti berikut:

- (1) Akaun bank individu/ syarikat dibekukan atas sebab-sebab tertentu seperti muflis, dalam siasatan SPRM atau perbicaraan mahkamah atau dijatuhkan hukuman penjara;**
 - (a) Bagi individu berstatus muflis, PTJ perlu memaklumkan kepada penerima agar mendapatkan kebenaran membuka akaun bank baharu daripada Jabatan Insolvensi Malaysia di mana fail penerima ditadbir. Bagi syarikat berstatus muflis, PTJ perlu mendapatkan maklumat nombor akaun syarikat daripada cawangan Jabatan Insolvensi Malaysia di mana fail tersebut ditadbir.

- (b) Sekiranya penerima terlibat dalam kes siasatan/ perbicaraan mahkamah yang mengakibatkan pembekuan akaun bank, PTJ boleh menghubungi pegawai penyiasat/ peguam kes tersebut untuk tindakan selanjutnya.
- (c) Dalam kebanyakan hukuman penjara, akaun bank banduan tidak dibekukan dan pembayaran masih boleh dibuat ke akaun tersebut, kecuali sekiranya disabitkan atas peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AML/CFT) [Akta 613] atau diberi perintah sedemikian oleh mahkamah atau akaun menjadi tidak aktif.

(2) Akaun bank tidak aktif/ telah ditutup/ ditukar tanpa maklumat kepada PTJ;

- (a) PTJ perlu mendapatkan salinan Penyata Bank yang menunjukkan transaksi tiga (3) bulan terakhir dan disahkan benar dan aktif bagi memastikan maklumat akaun yang tepat sebelum pembayaran dibuat.
- (b) PTJ perlu mendapatkan salinan kad pengenalan individu/ pendaftaran syarikat bagi menyemak dan memastikan maklumat identiti penerima adalah tepat seperti di salinan penyata bank dan sistem iGFMAS. Ini kerana semakin tambahan (*second validation*) yang dilaksanakan oleh bank terhadap pembayaran EFT hanya membenarkan bayaran EFT dilaksanakan sekiranya kedua-dua data ini adalah tepat.

- (c) Selaras dengan surat arahan Ketua Setiausaha K-KOMM bertarikh 24 Disember 2021, penjawat awam dibenarkan menggunakan satu (1) akaun bank sahaja iaitu hanya akaun bank gaji yang dibenarkan digunakan untuk membuat tuntutan bayaran yang lain. Perkara ini juga dapat mengurangkan risiko EFT Ditolak berikutan pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*).
- (d) Bagi penerima yang disenarai hitam oleh bank, PTJ hendaklah menggunakan mod pembayaran secara cek dengan membuat permohonan pembayaran secara cek daripada Pejabat Perakaunan masing-masing.
- (e) Bagi penerima bayaran berulang, salinan Penyata Bank dan dokumen pengenalan individu/ pendaftaran syarikat disaran agar difailkan berasingan dan teratur bagi memudahkan rujukan apabila bayaran hendak dibuat.

(3) Kesilapan maklumat akaun yang didaftarkan di Sistem ePerolehan;

Kawalan perlu dilakukan sebelum padanan bayaran di mana PTJ perlu menyemak maklumat akaun bank di data induk pembekal iGFMAS dan membandingkan dengan salinan penyata bank pembekal. Sekiranya berbeza, tindakan susulan hendaklah diambil dengan segera iaitu memaklumkan kepada pembekal untuk mengemaskini data maklumat bank di sistem ePerolehan.

(4) Penerima bayaran atau waris sukar dikesan;

- (a) PTJ hendaklah memastikan semua maklumat berkaitan pembayaran dikemukakan terus semasa program berlangsung terutamanya bagi program secara *one-off*. Maklumat yang diperlukan adalah nama penerima, nombor akaun bank, nombor pengenalan identiti, alamat kediaman/ alamat untuk dihubungi, nombor telefon, alamat e-mel dan *contact person* lain/ waris/ orang terdekat yang boleh dihubungi bagi membolehkan penerima/ waris (sekiranya penerima bayaran telah meninggal dunia) dihubungi sekiranya berlaku EFT Ditolak dan penerima sukar dikesan.
- (b) PTJ hendaklah memastikan maklumat penerima seperti alamat rumah terkini, nombor telefon dan alamat e-mel diisi dengan betul dan lengkap di Sistem iGFMAS/ ePerolehan/ eVendor bagi memudahkan penerima bayaran dihubungi sekiranya EFT ditolak.
- (c) Membuat semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mendapatkan alamat terkini penerima bayaran bagi mengesan keberadaan penerima bayaran atau pun waris.

(Nota: Bagi individu yang sudah meninggal dunia, bayaran seperti gaji, bayaran imbuhan/ bantuan atau tuntutan-tuntutan lain boleh dituntut oleh waris. Bagi membuat penggantian EFT Ditolak, antara dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh waris adalah seperti salinan kad

pengenalan penuntut, salinan akaun bank penuntut, salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/ isteri), salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ ibu), salinan sijil kematian dan surat kuasa mentadbir pusaka (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00).

5. ARAHAN UMUM

- 5.1 Ketua Jabatan dan Ketua PTJ perlu memberi perhatian serius dan memantau EFT Ditolak dan Cek Terbatal yang tertunggak supaya ia dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Bahagian Akaun K-KOMM juga akan mengeluarkan Surat Peringatan Penggantian EFT Ditolak/ Cek Terbatal berserta senarai subsidiari EFT Ditolak/ Cek Terbatal kepada PTJ terlibat pada setiap bulan.
- 5.2 Semua PTJ hendaklah menyemak laporan EFT Ditolak / Cek Terbatal yang dikeluarkan di portal iGFMAS dan mengambil tindakan sewajarnya dengan segera supaya bayaran dapat diselesaikan kepada penerima. Semakan boleh dibuat menggunakan laporan-laporan berikut:
- (i) Senarai Cek/ EFT Yang Dibatalkan secara harian;
 - (ii) Senarai Laporan Terperinci Cek/ EFT Batal;
 - Senarai Cek/ EFT Batal Belum Diganti secara harian
 - Senarai Cek/ EFT Batal Telah Diganti/ Jurnal Mengikut Tarikh Cek/ EFT Dibatalkan secara bulanan

- Senarai Cek/ EFT Batal Telah Diganti/ Jurnal Mengikut Tarikh Dokumen Penggantian secara bulanan
- (iii) Laporan Terperinci Cek/ EFT Batal > 6 Tahun secara bulanan.

5.3 Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) bagi pembayaran kerajaan melalui EFT telah dikeluarkan oleh JANM melalui Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2021 bertarikh 10 November 2021. Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) dapat meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti dengan meminimakan kesilapan bayaran kepada penerima yang tidak tepat dan risiko EFT Ditolak oleh bank.

5.4 Ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan maklumat akaun bank, nombor kad pengenalan/ pendaftaran syarikat dan nama semua penerima bayaran disemak di Sistem iGFMAS dan di bank supaya tepat dan betul berdasarkan dokumen sokongan yang sah.

6. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta, dan hendaklah dibaca bersama peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa iaitu Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPAM) serta peraturan kewangan lain yang berkaitan.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada :

**Seksyen Pelaporan dan Akaun
Cawangan Operasi
Bahagian Akaun
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
E-mel: akaunjms@kkmm.gov.my**

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)

EDARAN KEMENTERIAN

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Aras 3,7&8
Kompleks Kementerian Komunikasi Dan
Multimedia Malaysia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Putrajaya

EDARAN JABATAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Penyiaran Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Wisma TV Angkasapuri
50610 Kuala Lumpur

2. Ketua Pengarah Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 16, Kompleks KKMM, Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

3. Ketua Pengarah
Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Peti Surat 12163, Jalan Pantai Baharu
59700 Kuala Lumpur

4. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Sembilan
Tingkat 2, Wisma Persekutuan
70990 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

5. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Melaka
Tingkat 17, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan MITC
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh Melaka

6. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Kedah
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Abdul Halim
KM 3, Jalan Kuala Kedah,
05400 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

7. Pengarah
Jabatan Penerangan Terengganu
Tingkat 3, Wisma Persekutuan
20612 Kuala Terengganu
Terengganu

8. Pengarah
Jabatan Penerangan Selangor
Tingkat 21, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40612 Shah Alam
Selangor

9. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Johor
Kompleks Penerangan & Penyiaran Sultan Iskandar
Jalan Tasek Utara
80612 Johor Bahru
Johor

10. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Kelantan
Tingkat 3 & 11, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam
15612 Kota Bharu
Kelantan

11. Pengarah
Jabatan Penerangan WPKL
Tingkat 7 Barat, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

12. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Perak
Aras 1 Dan 2, Kompleks Bersepadu Kkmm
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

13. Pengarah
Jabatan Penerangan Kota Kinabalu
Tingkat 5-6 & 8-11
Wisma Dang Bandang
88612 Kota Kinabalu
Sabah

14. Pengarah
Jabatan Penerangan Pulau Pinang
Tingkat 38 & 40 Menara Komtar
Jalan Penang
10612 Pulau Pinang

15. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Perlis
Bangunan Tun Haji Abdul Razak
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan

16. Pengarah
Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan
Lot 9c, Tingkat 9, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka, Peti Surat 81363
87023 Wilayah Persekutuan Labuan

17. Pengarah
Jabatan Penerangan Negeri Pahang
Tingkat 9, Wisma Persekutuan, Jalan Gambut
25612 Kuantan
Pahang Darul Makmur

18. Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching
Sarawak

19. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Kedah
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Abdul Halim
KM 3, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
Kedah

20. Pengarah
Jabatan Penyiaran Wilayah Persekutuan Labuan
Jalan Tanjung Taras
Peti Surat 81311
87023 Wilayah Persekutuan Labuan

21. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan
Peti Surat 143
15710 Kota Bharu
Kelantan

22. Pengarah
Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak
Bangunan RTM, Jalan P. Ramlee
93614 Kuching
Sarawak

23. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Melaka
Jalan Taming Sari
75614 Melaka

24. Pengarah
Jabatan Penyiaran Malaysia Langkawi
Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji
07000 Kuah
Langkawi
Kedah

25. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Pahang
Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah
Peti Surat 152
25710 Kuantan
Pahang

26. Pengarah
Jabatan Penyiaran Pulau Pinang
Jalan Burma
10350 Pulau Pinang

27. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Perlis
Tingkat 6, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
Perlis

28. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Johor
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar
Karung Berkunci 716
80990 Johor Bahru
Johor
29. Pengarah
Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah
Kompleks Bersepadu
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Jalan Lintas Kepayan
88200 Kota Kinabalu
Sabah
30. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Perak
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia
Kompleks Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
Perak
31. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Terengganu
Peti Surat 63
20914 Kuala Terengganu
Terengganu
32. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan
Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad
Lot 24157 Sungai Gadut
71450 Seremban
Negeri Sembilan
33. Pengarah
Jabatan Penyiaran Negeri Selangor
Selangor FM, Tingkat 2, Bangunan IPPTAR
50614 Angkasapuri
Kuala Lumpur